

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 NOVEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 54

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L15040
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang kreatif dan berkesan agar pengguna mengubah gaya hidup ke arah perbelanjaan berhemah dan bagaimana kempen pengguna bijak boleh dijayakan secara meluas sehingga kepada rakyat di luar bandar.
2. PR-1213-L15729
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak Kerajaan tidak membenarkan buruh asing khususnya dari Indonesia untuk bekerja di sektor perhutanan terutamanya dalam industri kayu bakau.
3. PR-1213-L16248
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negeri Sabah; dan
 - (b) apakah Kementerian bercadang menyerapkan guru-guru kontrak Tabika Perpaduan yang telah lama berkhidmat ke jawatan tetap bagi membela nasib mereka.

4. PR-1213-L15634
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) memandangkan keadaan industri pembinaan yang sedang merudum, adakah Kerajaan berhasrat untuk menurunkan pembayaran 0.25 peratus dari jumlah kontrak kepada CIDB (Construction Industry Development Board); dan
 - (b) berapakah nilai terkumpul yang dikutip melalui CIDB selama 5 tahun kebelakangan ini.
5. PR-1213-L16274
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) setakat mana perkembangan Pelaksanaan Persijilan Halal yang dilaksanakan (HDC) di Malaysia; dan
 - (b) bagaimana penerimaan negeri-negeri di Malaysia tentang pelaksanaan Pensijilan dan Logo Halal (HDC).
6. PR-1213-L14665
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan data tentang sejauh manakah Kerajaan memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan di dalam bidang bioteknologi untuk dikomersialkan. Berapa ramaikah pula siswazah bioteknologi yang bekerja di dalam bidang berkenaan.
7. PR-1213-L15161
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan pencapaian ekonomi golongan belia.
8. PR-1213-L16154
Tuan Roslan bin Shahrarum [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan jalan luar bandar dalam RMK-9 dari segi peruntukan perbelanjaan, jumlah yang telah dan akan dilaksanakan serta bentuk tender yang dilaksanakan.
9. PR-1213-L14953
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah syarat-syarat serta kriteria yang diperlukan untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi pelajar lepasan STPM di mana ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang gagal untuk memasuki ke institut berkenaan ; dan

- (b) berapakah jumlah pelajar lepasan STPM yang telah membuat permohonan memasuki ke IPTA pada tahun 2008 ini serta berapakah jumlah yang telah berjaya.
10. PR-1213-L15231
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan pelabur-pelabur khususnya di sektor perkilangan bertanggungjawab kepada pekerja sekiranya berlaku penamatan operasi kilang tersebut.
11. PR-1213-L15208
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pelaksanaan projek E-Kesihatan sehingga sekarang. Apakah Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek ini memandangkan perjanjian ini telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan kontraktor terbabit.
12. PR-1213-L15060
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebab masalah kekurangan guru di SJK(C) yang wujud sepanjang masa ini dan apakah langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.
13. PR-1213-L15116
Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah keseluruhan pelanggan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang menggunakan dan memanfaatkan sistem pendaftaran syarikat secara on-line sejak ianya dilancarkan dan menyatakan keuntungan keseluruhan yang telah diperolehi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 2004-2007.
14. PR-1213-L16172
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan terma utama dalam "Condition Contract" yang telah ditandatangani oleh Kerajaan dan MMC-GAMUDA JV baru-baru ini bagi pelaksanaan projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar.
15. PR-1213-L15331
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan secara tegas dalam menghadapi kegiatan demonstrasi haram oleh pertubuhan-pertubuhan politik dan NGO's di negara ini.

16. PR-1213-L14725
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes-kes yang melibatkan penguatkuasaan Maritim terhadap nelayan tempatan yang menjadi 'tonto' laut kepada sindiket yang membawa masuk pendatang haram ke perairan negara ini.
17. PR-1213-L15743
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan sekolah Kluster dan nyatakan bukti-bukti kejayaan rancangan tersebut.
18. PR-1213-L15246
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak wang rakyat yang dibelanjakan untuk menangkap Datuk Seri Anwar Ibrahim memandangkan 15 kereta peronda polis digunakan beserta Unit Tindakan Khas (KHAS) yang lengkap bertopeng dan bersenjata lengkap.
19. PR-1213-L15891
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah pembinaan poliklinik di Taman Universiti, Gelang Patah akan bermula; dan
 - (b) langkah-langkah untuk menaik taraf poliklinik di kawasan luar bandar.
20. PR-1213-L16367
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes cerai bagi setiap tahun dari 1990 hingga sekarang dan berapakah di antara kes-kes ini diperintah oleh mahkamah untuk memberi nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak. Nyatakan jumlah kes bekas suami tidak membayar nafkah.
21. PR-1213-L15855
Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kenaikan inflasi (8%) semasa dan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menurunkan kembali harga minyak sesuai dengan penurunan harga minyak mentah global.
22. PR-1213-L16487
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mengkaji semula peraturan Petroleum Development Act (PDA) (hanya dalam kenderaan sahaja) kebenaran membeli petrol dalam tong 20 liter ke bawah di stesyen minyak demi untuk kemudahan rakyat di kampung-kampung.

23. PR-1213-L15740
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi kemudahan peralatan dan kelengkapan perubatan terkini kepada Hospital Wilayah Persekutuan Labuan yang sekarang amat memerlukan.
24. PR-1213-L16012
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah rasionalnya RTM kerap menayangkan drama berunsur negatif seperti kisah tahyul, khurafat dan sihir kerana boleh merosakkan minda penonton terutamanya kanak-kanak.
25. PR-1213-L15987
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah pihak Kementerian dapat melaksanakan rancangan untuk melaksanakan pengendalian hub stesen minyak untuk penduduk di kawasan pedalaman negeri Sarawak.
26. PR-1213-L15232
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kesan serta impak terhadap pasaran buruh asing dan tahap pencapaian ekonomi terutamanya di negeri Sabah ekoran keputusan Kerajaan untuk mengusir buruh asing tanpa izin pada masa yang terdekat ini.
27. PR-1213-L16471
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan di pihak Kementerian untuk menutup tapak pelupusan sampah Majlis Perbandaran Nilai, Pajam, Negeri Sembilan Darul Khusus di mana ianya tidak lagi sesuai kerana berdekatan dengan kawasan yang diduduki penduduk dan mengakibatkan udara di sekitar tercemar dan dipenuhi lalat.
28. PR-1213-L15381
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hakikatnya hanya 20.7 peratus atau 72,582 buah rumah kos rendah dan sederhana daripada sasaran sejumlah 350,000 buah berjaya dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), bagaimanakah pula perancangan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, untuk mengatasi masalah perumahan golongan berpendapatan rendah.
29. PR-1213-L15665
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kebaikan Kerajaan mengemukakan Kertas Putih Pertahanan yang menggulung dasar pertahanan, analisa dari pandangan Malaysia terhadap keadaan terkini keselamatan pertahanan negara dan rantau.

30. PR-1213-L15836
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dengan penurunan harga minyak di pasaran dunia, Kerajaan akan mengkaji semula harga minyak runcit negara.
31. PR-1213-L15905
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah telah dikeluarkan garis panduan pakaian bagi pengacara televisyen dan adakah ianya diguna pakai oleh semua stesen tv di Malaysia. Sekiranya ada, bilakah kali terakhir garis panduan itu disemak.
32. PR-1213-L15784
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Dasar Wanita Negara yang baru, yang telah dikaji semula akan dikeluarkan dan apakah kandungannya.
33. PR-1213-L15430
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mengembalikan pilihan raya Kerajaan tempatan, jika tidak, apa sebabnya.
34. PR-1213-L14837
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos pemulihan seorang penagih di pusat serenti selama dua tahun penahanannya. Dan setelah dua tahun menjalani aktiviti pemulihan di pusat serenti, berapakah peratus kejayaan penagihan tidak menagih semula dalam tempoh dua tahun.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 16/2008) **Rang Undang-undang Perbekalan 2009 - Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang “ (30 Oktober 2008).**

DAN

Usul dibuat oleh YAB. Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (30 Oktober 2008)

2. (D.R. 13/2008) **Rang Undang-undang Indentifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – Pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (28 Ogos 2008)**
(Menteri Dalam Negeri)
3. (D.R. 12/2008) **Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008** **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Menteri Pengajian Tinggi)
4. (D.R. 14/2008) **Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.** “
(Menteri Pengajian Tinggi)
5. (D.R. 15/2008) **Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.** “
(Menteri Pertahanan)

6. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. “
(Menteri Kewangan)
7. (D.R. 17/2008) Rang Undang-undang Kewangan 2008 “
(Menteri Kewangan)
8. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 “
(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

10. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bioplastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

11. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

12. PR-1213-U14757

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

13. PR-1213-U15554

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

14. PR-1213-U15555

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."

(Perdana Menteri)

15. PR-1213-U16405

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

16. PR-1213-U16408

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

17. PR-1213-U16411

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

18. PR-1213-U16414

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1213-U14923

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

(Perdana Menteri)

20. PR-1213-U14926

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khasnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

21. PR-1213-U14928

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

22. PR-1213-U16495

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

23. PR-1213-U16496

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

24. PR-1213-U16497

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

(Menteri Kemajuan Menteri Luar Bandar dan Wilayah)

25. PR-1213-U16498

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

26. PR-1213-U14755
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1213-U14756
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

28. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah pro-aktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasar di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

29. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

30. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

31. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

32. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan penggantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

33. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

34. PR-1213-U14893
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari pendamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

35. PR-1213-U14894
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara."

(Menteri Pengajian Tinggi)

36. PR-1213-U14896
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

37. PR-1213-U15687

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

38. PR-1213-U15416

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

39. PR-1213-U14683

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

40. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merencanakan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

41. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

42. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

43. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

(Menteri Dalam Negeri)